

## Peraduan Cash Out Shopper-Ria Bersama MyDebit

### CARA-CARA PENYERTAAN: Melalui WhatsApp

Langkah 1: Berbelanja mana-mana produk dalam satu resit dan lakukan pengeluaran tunai (pengeluaran tunai di kaunter pembayaran) minimum RM50 dengan menggunakan Kad ATM MyDebit antara 1hb Oktober 2020 hingga 31hb Disember 2020 di mana-mana cawangan G-Ekspres/ ShopSmart! yang mengambil bahagian di Semenanjung Malaysia.

Langkah 2: Jawab soalan (“Soalan Peraduan”) berikut dengan betul:-  
MyDebit adalah Kad ATM anda.  
Betul atau Salah?

Langkah 3: Hantar penyertaan dan jawap melalui **WhatsApp ke +6012-337 5468**

a. Taipkan butiran peribadi dan jawapan yang betul seperti berikut:-

<Nama, No KP, Nombor Resit Bank, Jawapan>

*\* Nombor resit bank boleh didapati di bahagian bawah nombor kad di resit pembelian anda*

*Contoh: Mohamad Ali, 890917075110, 005709, BETUL*

b. Sertakan gambar resit pembelian dan slip bank (“**Bukti Pembelian**”)

*\*Bukti Pembelian yang asal mestilah disimpan untuk tujuan pengesahan jika anda dipilih sebagai pemenang.*

c. Dengan menghantar penyertaan melalui WhatsApp, peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan notis privasi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

### TERMA DAN SYARAT

Dengan menyertai Peraduan Cash Out Shopper-Ria MyDebit (“**Peraduan**”), anda (“**Peserta**”) dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma dan syarat yang berikut:-

1. Peraduan ini dianjurkan bersama oleh GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd (Nombor Syarikat: 200401028527 (667035-P)) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (Nombor Syarikat: 200801035403 (836743-D)) [PayNet] (secara kolektif disebut sebagai “**Penganjur**”).
2. Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada September 2020), mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dan mestilah pemegang kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik (ATM) MyDebit yang dikeluarkan oleh mana-mana institusi kewangan yang menyertai MyDebit di Malaysia (“**Bank Peserta**”) dalam Tempoh Peraduan yang layak untuk menyertai Peraduan ini.
3. Peserta mestilah mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana Bank Peserta dan akaun tersebut mestilah dalam keadaan kewangan yang baik dan berstatus aktif dan tidak dorman semasa Tempoh Peraduan sehingga selesainya penebusan Hadiah.
4. Individu yang disenaraikan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:-
  - a. Pekerja Penganjur [termasuk syarikat sekutu, anak syarikat atau syarikat berkaitan dengannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan]; dan/atau
  - b. Wakil, pekerja dan/atau agensi pengiklanan atau agensi promosi bagi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan yang berkaitan], dan ahli keluarga terdekat mereka [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan].

### **Tempoh Peraduan**

1. Peraduan ini berlangsung dari 1hb Oktober 2020 pada pukul 12:00 pagi hingga 31hb Disember 2020 pada pukul 11:59 petang. (“**Tempoh Peraduan**”)
2. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan ditolak dan dianggap tidak sah.

3. Penganjur berhak untuk meminda, memperpanjang atau menghentikan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlak tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

### Syarat Penyertaan

1. Berbelanja mana-mana produk (tanpa perbelanjaan minimum) dan lakukan minimum pengeluaran tunai (pengeluaran tunai di kaunter pembayaran) sebanyak RM50 di mana-mana cawangan G-Ekspres/ShopSmart! yang mengambil bahagian di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan Kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran. *Contohnya, anda boleh membeli barang dengan harga serendah RM1 dan mengeluarkan wang tunai (mengeluarkan wang tunai di kaunter pembayaran) minimum RM50.*
2. Bukti Pembelian dengan cetakan yang jelas akan diterima sebagai penyertaan yang sah dan menghantar penyertaan melalui WhatsApp seperti yang dinyatakan di atas. Peserta yang dipilih sebagai pemenang perlulah menghantar Bukti Pembelian yang asal sebelum penebusan/penyempurnaan Hadiah dapat dilengkapkan. Kegagalan untuk melakukannya akan mengakibatkan pembatalan Hadiah yang dimenangi oleh Peserta.
3. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang diperlukan. Setiap Bukti Pembelian hanya layak untuk satu (1) penyertaan sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan dan/atau menolak penyertaan di mana:-
  - a. Bukti Pembelian adalah salinan pendua, salah, tidak jelas, koyak atau rosak; dan/atau
  - b. Bukti Pembelian diperlukan tidak diberikan, tidak lengkap, tidak layak, tidak jelas dan/atau tidak tepat

### Hadiah

1. Hadiah Peraduan ("**Hadiah**"):-
  - a. 20x pemenang setiap bulan semasa Tempoh Peraduan – Baucar G-Ekspres/ ShopSmart! bernilai RM100 setiap satu

### Pemilihan Pemenang

2. Pilihan Pemenang:-
  - a. Setiap penyertaan yang layak akan diberikan kepada satu nombor siri.
  - b. Semua penyertaan yang layak akan tertakluk kepada proses pemilihan janaan komputer untuk menyenaraikan pemenang.
  - c. Pemenang akan dihubungi melalui telefon dengan usaha terbaik dengan maksimum sebanyak tiga (3) percubaan, dua percubaan berikutnya akan dilakukan dalam tempoh 24 jam dari percubaan pertama. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi/responsif, nombor terendah seterusnya dari nombor siri yang disenarai pendek akan dihubungi. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekalipun jika pemenang tidak dapat dihubungi.
  - d. Pemenang perlu menghantar **Bukti Pembelian** yang asal dan salinan kad pengenalan ke **Peraduan Cash Out Shopper-Ria Bersama MyDebit, No.15, Block B, Lot 756, Jalan Subang 3, 47610 Subang Jaya, Selangor** dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan melalui telefon untuk tujuan pengesahan atau hadiah akan dilucutkan.

### Penebusan Hadiah

1. Hadiah akan dihantar kepada pemenang berdasarkan alamat yang diberikan oleh pemenang. Pemenang adalah bertanggungjawab untuk memberikan alamat yang betul dan sah. Pemenang juga harus memastikan ketersediaan mereka untuk menuntut Hadiah semasa dihantar. Penganjur tidak bertanggungjawab atas penghantaran Hadiah yang lewat, salah, atau tidak dituntut, di mana sekiranya pemenang bersetuju bahawa Hadiah yang diperuntukkan akan dilucutkan.
2. Semua Hadiah adalah tertakluk kepada terma seperti dinyatakan dalam surat pengesahan/perjanjian hadiah/baucar hadiah.
3. Imej Hadiah yang ditunjukkan dalam sebarang bahan promosi, iklan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah bertujuan untuk ilustrasi semata-mata dan mungkin tidak menggambarkan Hadiah yang sebenarnya.

4. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai dan dipindah milik. Hadiah hanya akan diberikan kepada pemenang yang berjaya menyempurnakan semua kelayakan yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Penganjur berhak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama tanpa sebarang notis dan mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur.
5. Penganjur, agensinya, pihak yang berkaitan, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecacatan atau penyalahgunaan Hadiah, tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan berkaitan dengan Peraduan ini.
6. Pemenang perlu menebus Hadiah dari Penganjur dalam masa DUA (2) bulan selepas pemberitahuan dari pihak Penganjur (melalui telefon dan/atau WhatsApp atau saluran komunikasi lain). Sekiranya pemenang gagal menebus Hadiah atau mencalonkan wakil dalam masa yang diberikan, Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah dan berhak untuk memberikan Hadiah tersebut kepada pemenang lain. Pemenang perlu menunjukkan dokumen pengenalan diri yang sah untuk menebus/ menerima Hadiah.
7. Pemenang yang memerlukan wakil untuk menuntut Hadiah bagi pihak mereka mestilah memastikan mereka perlu memberikan surat kebenaran dan salinan kad pengenalan pemenang dan juga dokumen pengenalan diri wakil tersebut untuk menebus hadiah.
8. Peserta hanya layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
9. Sebarang kos, cukai, yuran dan/atau kos lain dan/atau perbelanjaan terlibat untuk menyertai Peraduan ini dan/atau untuk menebus dan/atau untuk penghantaran Hadiah (sekiranya diperlukan), adalah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta sendiri.
10. Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anda semasa dan/atau selepas Peraduan. Penganjur juga ingin menasihatkan para Peserta untuk menghubungi talian hotline Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

### **Hak Penganjur**

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat yang berkaitan tanpa sebarang bayaran royalti atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.
2. Penganjur berhak untuk mengesahkan kelayakan Peserta dan kelayakan akan dibatalkan kepada Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini. Penganjur tidak bertanggungjawab atas pembatalan kelayakan tersebut.
3. Penganjur dan kesemua pihak yang terlibat dalam Peraduan ini termasuk pengarah, pegawai dan/atau ejen mereka tidak bertanggungjawab terhadap yang berikut:- (a) Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan dalam Peraduan ini; (b) Kesilapan manusia dan kegagalan elektronik/terkinal dalam pentadbiran Peraduan ini dan juga untuk pemprosesan penyertaan;; (c) Sebarang penyertaan yang hilang, rosak, salah dihantar atau tidak diterima; dan (d) Semua liabiliti (termasuk kematian) yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sama ada disebabkan penggunaan Hadiah dan/atau penyertaannya dalam Peraduan ini.
4. Penganjur berhak mengikut budi bicaranya, meminda Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat untuk semua Peserta, sebarang surat-menyurat dan rayuan tidak akan dilayan.
5. Tanpa menghadkan perkara di atas, Penganjur berhak untuk melakukan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayai telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang mendatangkan kemudaratan kepada proses penyerahan penyertaan atau pengendalian operasi Peraduan ini.

6. Sekiranya atas sebab apa pun Peraduan ini tidak dapat berjalan seperti yang dirancang (dan tidak terhad) atas sebab seperti virus komputer, penggodoman, campur tangan yang tidak dibenarkan, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa arahan kerajaan dan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan juga sebab lain yang di luar kawalan Penganjur, di mana Penganjur berhak, dalam budi bicara mutlak, untuk membatalkan, menghentikan, mengubal, atau menangguhkan Peraduan ini.
7. Penganjur mengikut budi bicara mutlak boleh menolak dan/atau membatalkan penyertaan Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengganggu/memanipulasi proses penyerahan penyertaan Peraduan, pengendalian Peraduan atau melanggar Terma dan Syarat Peraduan ini.

### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

1. Peserta dan pemenang akan menanggung sepenuhnya liabiliti dan bertanggungjawab dalam apa jua keadaan terhadap sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diduga, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan oleh penyertaan mereka dalam Peraduan dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan agensinya dari sebarang tuntutan untuk kecederaan, kemalangan, kehilangan nyawa atau kehilangan ekonomi dan lain-lain.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Penganjur atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk mana-mana agensi pihak ketiga yang berurusan dengan Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau kerosakan secara tidak langsung, kerugian sampingan, akibat, teladan, atau ganti rugi khas termasuk mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) bagaimanapun timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau lain-lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Penganjur telah dimaklumkan tentang kemungkinan kerugian tersebut terlebih dahulu, dan semua kerugian adalah dinafikan dengan jelas.
3. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, apa-apa arahan atau peraturan lain tentang Peraduan seperti yang dinyatakan di <https://paynet.my/mydebit/promotions.html> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
4. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa syarat yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, syarat-syarat yang terdapat di <https://paynet.my/mydebit/promotions.html> akan diguna pakai.
5. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

### **NOTIS PRIVASI**

1. Peserta mengesahkan semua maklumat yang diberikan melalui WhatsApp adalah benar dan sah. Peserta bersetuju untuk memberikan hak kepada Penganjur untuk mendapatkan akses untuk memperoleh, mengekstrak, mengesahkan dan/atau memanfaatkan maklumat yang diberikan pada bila-bila masa dari semasa ke semasa.
2. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk mengumpulkan, menyimpan, menggunakan, memproses nama, nombor kad pengenalan (KP) dan maklumat lain **["Data Peribadi"]** untuk tujuan menjalankan Peraduan, termasuk tetapi tidak terhad mengumumkan dan menerbitkan Data Peribadi dan/atau gambar di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
3. Peserta juga memberi persetujuan kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Penganjur untuk tujuan yang berkaitan dengan Peraduan.

4. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Penganjur untuk berkongsi atau mengumpulkan Data Peribadi mereka termasuk pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada ejen Penganjur atau institusi kewangan di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut diwajibkan secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta kecuali dengan cara yang dinyatakan di sini.
5. Peserta mempunyai hak untuk mengakses, membetul atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan maklumat peribadi yang dipegang oleh Penganjur. peribadi daripada Penganjur. Permintaan tersebut boleh dibuat melalui panggilan telefon di 03-7723 9393, Isnin - Jumaat, 09:00 - 21:00 tidak termasuk cuti umum.